



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

Pusat Perubatan UKM

UKM Medical Centre



HUKM3.10.4/224/2/4 Jld.2

19 NOVEMBER 2014

PEKELILING KEWANGAN BIL. 24/2014

Semua Pelanggan
Pusat Perubatan UKM

YBhg Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan

PELAKSANAAN SURAT JAMINAN PESAKIT (eGL) BAGI SISTEM HRMIS

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

Dimaklumkan bahawa, Surat Jaminan (eGL) melalui Sistem HRMIS bagi pesakit berstatus kakitangan kerajaan dan Badan Berkanun serta tanggungan boleh disemak tanpa cetakan di semua kaunter-kaunter Klinik PPUKM seperti berikut :-

1. Klinik Obstetrik & Ginekologi
2. Klinik Padiatrik
3. Klinik Surgeri
4. Klinik Perubatan 1
5. Klinik Perubatan 2
6. Klinik Ortopedik
7. Klinik Radiologi
8. Klinik Oftalmologi
9. Klinik Otorinolaringologi
10. Klinik Psikiatri

Walau bagaimanapun, bagi pelanggan yang mendapatkan rawatan di lain-lain klinik selain di atas, kemudahan cetakan surat jaminan ini masih diteruskan di kaunter sedia ada iaitu di Lobi Utama (Kaunter 8) dan Kaunter Bayaran Jabatan Perubatan Kecemasan. Perkhidmatan bagi kemudahan ini akan dipanjangkan di lain – lain klinik pada masa hadapan.

Sehubungan itu, pihak YBhg Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan yang hadir temujanji di klinik-klinik seperti di atas, boleh terus membuat semakan kelayakan rawatan percuma mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan terima kasih.

Sekian.